

16/08/1999

Lawatan mampu tambah dagangan dua hala

TIMBALAN Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Kerk Choo Ting, akan mengetuai misi perdagangan Malaysia ke China minggu depan bagi mempertingkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata lawatan itu dianjurkan sempena ulang tahun ke-25 hubungan diplomatik Beijing-Kuala Lumpur yang terjalin sejak 1974.

Katanya, selain misi itu beliau sendiri akan menyampaikan ucapan di Forum Malaysia-China ketiga di Beijing sempena lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dari 18 hingga 20 Ogos ini.

"Kita mempunyai banyak potensi meningkatkan hubungan perdagangan terus dan pelaburan dan diharap lawatan itu dapat memperkukuhkan asas hubungan dua hala itu," katanya selepas merasmikan Hari Keluarga kementeriannya di Kajang, hari ini.

Rafidah berkata, misi perdagangan itu tetap penting walaupun kedua-dua negara sudah menjalin hubungan baik.

"Sehubungan itu, masyarakat perdagangan Malaysia perlu memberi perhatian serta menjalinkan kerjasama dengan setiap kerajaan wilayah berkenaan," katanya.

Rafidah berkata, Malaysia dan China mempunyai Suruhanjaya Bersama yang diketuai beliau dan rakan sejawatannya yang bertindak sebagai saluran bagi mengatasi masalah dalam hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala.

(END)